

→ SASTERA & BUDAYA

Kajian dedah cerita rakyat, dongeng Malayo-Polinesia

[FOTO IHSAN PEMBACA]



Ikhlas ketika membentangkan kajiannya pada Seminar Pengajian Gender di Universiti Malaya, baru-baru ini.

→ Pensyarah UPM dapati kisah angkat tema cari teman hidup

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sifat unggul kewanitaannya Timur yang tidak mempedulikan status kekayaan bakal suami meskipun wanita berkenaan berpangkat dan berharta dirakam dalam cerita rakyat dan dongeng Malayo-Polinesia.

Hal itu dibuktikan oleh Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Dunia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ikhlas Abdul Hadi menerusi kajiannya terhadap cerita rakyat rantau ini.

Bagaimanapun dalam konteks psikologi lelaki pula, Ikhlas berkata, wataknya akan tetap akan memilih wanita muda yang jelita sebagai calon isteri.

Ikhlas berkata, hampir 50 peratus cerita dongeng masyarakat Malayo-Polinesia mengangkat tema pencarian pasangan hidup.

Beliau yang membentangkan *Folktales, Evolution and Women: In-*

vestigation Stories of Womanhood in the Malay Archipelago berkata, kajiannya mengumpulkan 100 cerita rakyat yang watak protagonisnya adalah wanita.

Watak wanita kurang

“Sebenarnya tidak banyak cerita dongeng mengangkat wanita sebagai watak utamanya meskipun wanita membentuk hampir 50 peratus populasi dunia,” katanya pada Seminar Pengajian Gender di Universiti Malaya (UM) di sini.

Ikhlas berkata, ia berlaku dalam hampir semua masyarakat di seluruh dunia, termasuk masyarakat Malayo-Polinesia yang merangkumi Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Dalam sesi yang dipengerusikan oleh Dr Alicia Izharuddin itu, Ikhlas memetik hanya lima cerita rakyat untuk dikongsi dengan khalayak, iaitu *Bakul Terbesar di Dunia*, *Puteri Kemang*, *Puteri Gunung Ledang*, *Boru Toba Najungkat* dan *Hadiah Terbaik*.

“Daripada lima cerita itu, apa



Sebenarnya tidak banyak cerita dongeng mengangkat wanita sebagai watak utamanya meskipun wanita membentuk hampir 50 peratus populasi dunia”

Ikhlas Abdul Hadi,
Pensyarah Kanan
Bahasa Inggeris
dan Kesusasteraan
Dunia UPM

yang boleh disimpulkan kebanyakan tema adalah mengenai mencari teman hidup diikuti dengan tema peranan wanita dalam keluarga.

“Namun dalam pandangan yang lebih besar, hampir 90 peratus cerita rakyat ini bertemakan hal yang berkaitan dengan reproduktif,” katanya.

Pilih lelaki berusia, berharta

Dalam kajian itulah dapat disimpulkan, apabila tiba persoalan mencari pasangan hidup wanita akan memilih lelaki yang lebih berusia dan berharta.

Bagaimanapun wanita yang berharta dan berpangkat tidak akan menjadikan hal itu sebagai faktor utama seperti dalam cerita rakyat, *Hadiah Terbaik* yang memperlihatkan puteri raja memilih tukang kayu sebagai calon suami.

“Bagaimanapun lelaki akan memilih wanita yang muda dan jelita sebagai isteri misalnya dalam kisah *Puteri Gunung Ledang*.

“Dalam kisah itu, seorang sultan

sanggup mengerah anak dara menangis untuk memenuhi tujuh tempayan dengan air mata malah hampir membunuh anak sendiri untuk mendapatkan semangkuk darahnya.

“Hal ini semata-mata untuk memenuhi tuntutan syarat peminangan Puteri Gunung Ledang.

Baginda tidak meneruskan niat membunuh anaknya hanya apabila Puteri Gunung Ledang muncul dan menyebut tidak akan mengahwini lelaki yang sanggup membunuh anaknya sendiri,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, terdapat juga sebahagian kecil daripada tema cerita rakyat itu menyentuh mengenai perubahan keutamaan matlamat kehidupan wanita.

“Cerita rakyat sebenarnya adalah fenomena unik dalam masyarakat di seluruh dunia. Ia adalah rakaman ketakutan dan keinginan manusia.

Justeru, sifatnya itu memungkinkan ia terus beredar daripada satu generasi ke generasi yang lain,” katanya.